

### 1. Kerajaan akan lihat semula rasionalisasi subsidi

KUANTAN 31 Dis. - Kerajaan akan melihat semula beberapa keputusan merasionalisasikan subsidi bagi meringankan beban kenaikan kos yang dihadapi rakyat, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Timbalan Perdana Menteri berkata, satu mesyuarat jawatankuasa penyampaian pasukan petugas khas berkaitan kos sara hidup akan diadakan dalam masa terdekat bagi mengkaji secara holistik dan bagaimana langkah seterusnya dapat diambil bagi menangani masalah tersebut.

"Saya akan berbincang dengan Perdana Menteri (Datuk Seri Najib Tun Razak) untuk melihat situasi terkini dan mendapat maklum balas lebih terperinci selain keputusan dibuat dalam mengkaji semula beberapa kadar tertentu dan juga kos perlu ditanggung pengguna yang dikenakan oleh sektor awam atau institusi kerajaan lain.

"Bila kita rasionalisasikan subsidi didapati semua mendapat manfaat dan itu tidak adil kepada golongan miskin serta berpendapatan kecil.

"Maka kumpulan itu (golongan miskin dan berpendapatan kecil) harus mendapat bantuan lebih besar (kesan daripada) pengurangan subsidi bagi menampung keperluan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis Penyampaian Peralatan Persekolahan oleh Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) di Sekolah Kebangsaan Permatang Badak di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob; Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Dr. Khair Mohamad Yusof; Ahli Parlimen Paya Besar, Datuk Abdul Manan Ismail dan Pengurus YSS, Datuk Zuraidah Atan.

Pada majlis itu, Muhyiddin yang juga Menteri Pendidikan mengumumkan peruntukan sebanyak RM100,000 kepada sekolah tersebut yang turut terjejas akibat banjir baru-baru ini.

Muhyiddin berkata, beliau juga akan memanggil menteri dan agensi berkaitan yang bertanggungjawab termasuk membekalkan utiliti sama ada elektrik, air dan sebagainya serta pihak berkuasa tempatan dalam mengkaji semula cukai dikenakan terhadap pengguna.

"Langkah diambil membuktikan kerajaan prihatin tentang masalah rakyat dan tentu tidak mahu melihat bebanan mereka itu bertambah dengan pihak yang melakukan kenaikan sehingga menimbulkan masalah," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Muhyiddin berkata, rakyat seharusnya tidak terpengaruh dengan tindakan sekumpulan individu yang mahu membangkitkan kemarahan rakyat dengan mendakwa kerajaan tidak mengambil langkah sewajarnya bagi mengurangkan beban mereka.

"Sedangkan kita telah umumkan beberapa inisiatif yang telah dan akan dilaksanakan kerajaan. Saya percaya apabila keadaan ekonomi lebih kukuh dan pendapatan juga dapat ditingkatkan," katanya.

Menurut beliau, kerajaan sentiasa peka dan prihatin terhadap masalah rakyat dan akan memastikan setiap dasar dan pelaksanaannya tidak menjaskankan kualiti kehidupan rakyat.

Sementara itu, katanya, rakyat mempunyai hak untuk melaporkan mengenai kenaikan harga barang kepada pihak berkuasa jika berlaku.

"Kalau ada pihak mengambil kesempatan untuk naikkan harga barang kita boleh laporkan kepada pihak seperti Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC).

"Sebab MyCC ada bidang kuasa agak luas, justeru, rakyat yang juga pengguna boleh laporkan kepada badan ini jika berlaku kenaikan harga," katanya.

## 2. Penjimatan langkah positif

KUALA LUMPUR 31 Dis. - Usaha kerajaan memperkenalkan 11 langkah untuk mengurangkan perbelanjaan sektor awam mulai hari ini disifatkan sebagai langkah positif untuk manfaat rakyat pada masa hadapan.

Pensyarah Kanan Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Mohamad Noorizuddin Nooh berkata, penjimatan itu dapat digunakan untuk membaiki mutu sistem pengangkutan awam dan pendidikan negara ini.

"Hasilnya dana awam dapat digunakan kepada aktiviti-aktiviti yang lebih menguntungkan seperti meningkatkan mutu perkhidmatan awam di seluruh negara terutama bandar-bandar yang memerlukan jaringan pengangkutan bersepada lebih cekap dan efisien.

"Selain itu, perbelanjaan terhadap sistem pendidikan negara juga dapat ditingkatkan sekali gus meringankan bebanan yang ditanggung ibu bapa," katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia hari ini.

Datuk Seri Najib Tun Razak semalam mengumumkan kerajaan telah mengambil keputusan melaksanakan 11 langkah bagi mengurangkan perbelanjaan sektor awam bermula hari ini.

Menurut Perdana Menteri, usaha ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk mengamalkan perbelanjaan yang lebih berhemat pada tahun ini.

Sementara itu pengalisis ekonomi, Prof. Amir Baharuddin menyifatkan usaha tersebut sebagai tindakan awal kepada pengumuman melibatkan langkah-langkah penjimatan lain untuk sektor awam.

"Ini merupakan langkah yang dapat memberi kesan pantas kerana melibatkan perkara dilihat kecil tetapi sentiasa memberi impak besar terhadap keseluruhan perbelanjaan kerajaan selama ini.

"Contohnya kos untuk mencetak kain pemidang seperti bunting dan banner melibatkan perbelanjaan yang besar kerana melibatkan semua program kerajaan di setiap kementerian dan agensi pada setiap

hari. Bayangkan berapa jumlah kos yang telah berjaya dikurangkan untuk melakukan perkara ini sahaja?," katanya.

Dalam pada itu, Pemegang Amanah Yayasan Satu Malaysia, Tan Sri Lee Lam Thye berkata, walaupun pengurangan perbelanjaan tersebut dilihat masih kecil tetapi ini merupakan satu permulaan positif untuk Tahun Baharu 2014 terutamanya sebagai teladan kepada semua rakyat untuk berbelanja secara sederhana dan berhemat.

"Saya berpendapat pemotongan kos keraian untuk menteri, timbalan menteri dan pegawai kanan kerajaan JUSA C ke atas perlu dikurangkan sebanyak 20 hingga 30 peratus.

"Selain itu kerajaan juga perlu memastikan tiada sebarang pembaziran dan penyelewengan dalam perbelanjaan awam melalui salah tadbir yang membawa kerugian lebih besar," katanya.



Isnin, 6 Januari 2014

### 3. SPRM bidas Guan Eng

KUALA LUMPUR 5 Jan. - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membidas kenyataan Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng yang mendakwa suruhanjaya itu tidak mengambil tindakan berhubung Laporan Ketua Audit Negara 2012.

Sambil menyifatkan dakwaan itu tidak benar dan tidak berasas sama sekali, SPRM dalam satu kenyataan di sini, hari ini meminta Guan Eng meneliti laporan tahunan suruhanjaya itu serta Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR) yang dikeluarkan sebelum ini.

"Kedua-dua dokumen itu turut memperincikan tindakan yang telah diambil oleh SPRM ke atas isu-isu berkaitan Laporan Audit Negara. Kenyataan SPRM, laporan tahunan SPRM serta JKMR yang dianggotai ahli-ahli Parlimen sendiri menunjukkan SPRM telah mengambil tindakan wajar secara bebas, telus dan profesional terhadap laporan audit berkenaan.

"Sekurang-kurangnya 15 perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Audit Negara 2012 telah pun dibuka kertas siasatan dan sedang disiasat. Tindakan yang diambil, sama ada tuduhan di mahkamah atau khidmat nasihat dimaklumkan kepada JKMR dan Panel Penilaian Operasi (PPO) dari masa ke semasa," kata kenyataan itu.

Guan Eng sebelum ini mendakwa tiada tindakan diambil SPRM dalam isu dakwaan pembaziran wang rakyat melibatkan kerajaan Barisan Nasional (BN) seperti dibentangkan pada Laporan Audit Negara 2012.

Kenyataan SPRM itu seterusnya menegaskan, JKMR, badan bebas yang memantau SPRM sejak 2009 turut dianggotai wakil DAP iaitu Dr. Tan Seng Giaw dan Guan Eng boleh merujuk kepadanya jika memerlukan maklumat lanjut mengenai status kes dan tindakan diambil suruhanjaya itu terhadap laporan audit berkenaan.

"SPRM ingin menegaskan bahawa kita menjalankan siasatan secara bebas, telus dan profesional mengikut Akta SPRM 2009 dan tidak bertanggungjawab terhadap laporan media yang memetik sumber dan tidak berasas," kata kenyataan berkenaan.



Isnin, 6 Januari 2014

#### 4. Inflasi 2014 dijangka 3.2 peratus

KUALA LUMPUR 5 Jan. - Kadar inflasi bagi 2014 dijangka mencecah 3.2 peratus iaitu paras tertinggi sejak 2011, kesan daripada pelbagai pusingan pengurangan subsidi oleh kerajaan sepanjang tahun lalu.

Antaranya ialah pengurangan subsidi yang menyebabkan kenaikan harga petrol dan diesel, gula serta tarif elektrik yang dilihat membawa kesan berangkai yang akhirnya ditanggung oleh pengguna.

Menurut nota kajian oleh penganalisis Alliance Research, Manokaran Mottain, langkah rasionalisasi subsidi oleh kerajaan dijangka akan diteruskan pada tahun ini.

Ini kata beliau, termasuk jangkaan subsidi minyak akan dikurangkan 20 sen lagi dijangka pada Jun depan.

Katanya, hal itu boleh disokong seperti yang digambarkan oleh kerajaan semasa pembentangan Bajet 2014 yang mengutamakan penjimatan perbelanjaan negara.

"Pelarasan tarif air yang dijangkakan berlaku dan juga cukai harta tanah akan menyumbangkan kenaikan inflasi 2014.

"Kebiasaannya, golongan peniaga akan mengalihkan beban kenaikan kos kepada pengguna," katanya dalam nota penyelidikan itu.

Tambah Manokaran, paras inflasi dijangka melebihi tiga peratus sepanjang 2014 dengan kemuncaknya berada pada paras 3.8 peratus pada Ogos ini, sebelum menurun menjelang akhir tahun.

"Untuk tahun penuh, kami mengunjurkan inflasi berada di paras 3.2 peratus, jauh lebih tinggi berbanding 2.1 peratus yang diunjur pada 2013.

"Sebagai perbandingan, kerajaan menjangka inflasi kekal boleh diuruskan pada paras 2 hingga 3 peratus tahun ini, ekoran lebih banyak rasionalisasi subsidi, harga makanan global yang stabil, permintaan domestik yang sederhana, perluasan kapasiti yang banyak dan produktiviti yang semakin baik," ujarnya.

Di sebalik persekitaran inflasi yang tinggi, Alliance Research yakin Kadar Dasar Semalam (OPR) sebanyak 3 peratus tidak akan berubah banyak dalam tahun ini.

Menurutnya, Bank Negara Malaysia mengekalkan paras OPR tersebut pada 7 November 2013, sekali gus menjadi yang ke-15 kali tidak berubah sejak Mei 2011.

"Pada paras 3 peratus sekarang, OPR kekal menjadi elemen penyokong kepada aktiviti ekonomi di samping memastikan wujud kestabilan pada harga," ujarnya.

Selasa, 7 Januari 2014

### 5. Penjawat awam berperanan penting jayakan agenda transformasi

PUTRAJAYA 7 Jan. - Penjawat awam diminta sentiasa melakukan penambahbaikan dalam perancangan, pelaksanaan dasar dan prosedur kerja untuk meraih kepercayaan dan keyakinan rakyat.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa berkata, ia antara faktor penting yang perlu diberi perhatian oleh setiap penjawat awam dalam menjayakan agenda transformasi negara.

"Setiap penjawat awam telah diberi tanggungjawab dan kepercayaan untuk menjadi perintis dan ejen perubahan bagi memajukan negara ini.

"Perkhidmatan awam kini terdedah pada penelitian kritikal daripada orang awam, apatah lagi apabila berhadapan dengan persepsi masih berlaku kerentak birokrasi, ketidakcekapan, prestasi di bawah tahap, ketidaktelusan dan kurangnya akauntabiliti," katanya pada majlis penganugerahan Diploma Pengurusan Awam (DPA) Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) 2013 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini hari ini.

Rabu, 8 Januari 2014

### 6. KSN gesa perkukuh budaya kerja prestasi tinggi

PUTRAJAYA 7 Jan. - Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa menggesa pegawai dan kakitangan awam memperkuatkan budaya kerja berprestasi tinggi kerana ia sangat penting dalam persekitaran global yang semakin kompetitif.

Menurutnya, pengukuhan itu meliputi peningkatan daya saing Malaysia di persada antarabangsa seperti mana dicapai oleh negara yang menduduki tempat keenam Laporan Mudah Menjalankan Perniagaan Bank Dunia 2014.

Dalam masa yang sama, tambahnya, konsep 'Merakyatkan Perkhidmatan Awam' yang mengandungi enam prinsip antaranya turun padang, keterbukaan, musyawarah dan sebagainya perlu menjadi teras budaya kerja pada hari ini.

"Harapan besar diletakkan terhadap penjawat awam kerana anda merupakan ejen transformasi paling hadapan serta perantara rakyat dan kerajaan dalam menterjemahkan wawasan negara," katanya ketika berucap dalam Majlis Penganugerahan Diploma Pengurusan Awam (DPA) Tahun 2013 di sini hari ini.

Dalam majlis tersebut, Ali menyampaikan DPA kepada 735 Pegawai Tadbir Diplomatik (PTD) yang menamatkan kursus enam bulan.

Ali menambah, pengumuman 11 langkah perbelanjaan berhemat sektor awam baru-baru ini merupakan sumbangan kerajaan dalam usaha memastikan dana awam dibelanjakan secara berhemat dan berpatutan.

"Pelaksanaannya yang turut membabitkan pegawai kanan kerajaan menunjukkan kita sentiasa bersama rakyat dan selaras dengan konsep 'Merakyatkan Perkhidmatan Awam'," katanya.

Ali menegaskan, anggota perkhidmatan awam perlu berpegang kuat kepada prinsip taat setia tidak berbelah bahagi kepada negara, Yang di-Pertuan Agong dan kerajaan yang memerintah serta tidak sesekali mengutamakan kepentingan diri sendiri.

### 7. Tun M gesa GLC, syarikat milik Melayu sertai industri tinggi

PETALING JAYA 8 Jan. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menggesa lebih banyak syarikat milik Melayu dan syarikat milik kerajaan (GLC) menceburi industri berteknologi tinggi dalam usaha menuju negara maju.

Menurut beliau, penglibatan industri berteknologi tinggi melambangkan kemampuan dan kecanggihan sesebuah negara.

Jelasnya, Malaysia juga tidak akan mencapai status negara maju dengan hanya mencapai pendapatan per kapita yang tinggi, sebaliknya dibuktikan menerusi kecanggihan dalam teknologi.

"Saya ingin memberi contoh Korea Selatan yang mempunyai kecanggihan dalam teknologi yang melayakkan negara itu sebagai sebuah negara maju berbanding negara-negara lain yang kaya termasuk Arab Saudi.

"Arab Saudi merupakan sebuah negara pengeluar minyak tetapi diuruskan oleh orang asing atau syarikat yang mempunyai kepakaran teknologi dari luar.

"Korea Selatan kini mampu menandingi Amerika Syarikat dan Jepun dengan hanya mempunyai kecanggihan teknologi," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Pengarah-pengarah Korporat Lembaga Tabung Haji kali keenam di Hotel TH di sini hari ini.

Tambah Mahathir, GLC dan syarikat milik Melayu tidak hanya perlu memberi tumpuan terhadap pemilikan aset hartanah atau projek hartanah di dalam dan luar negara.

"Kalau mahu membina bangunan pencakar langit, banyak pihak boleh buat, tetapi apa yang menentukan maju atau tidak sesebuah negara adalah teknologi tinggi yang dikuasainya," ujarnya.

Dr. Mahathir percaya bahawa Malaysia mempunyai banyak bakat dan kemahiran dalam industri berteknologi tinggi.



Khamis, 9 Januari 2014

### 8. Belanja IT dijangka RM69.8b

KUALA LUMPUR 8 Jan. - Jumlah perbelanjaan teknologi maklumat (IT) di Malaysia dijangka berkembang 10.2 peratus bagi mencecah hampir RM69.8 bilion pada tahun.

Dari segi rantau Asia Pasifik pula, perbelanjaan IT dijangka mencapai AS\$758 bilion (RM2.5 trilion) pada tahun 2014, naik 4.2 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Menurut penyelidikan daripada syarikat teknologi maklumat terkemuka dunia, Gartner Inc., pertumbuhan tersebut adalah sedikit lebih rendah daripada yang direkodkan pada tahun 2013 iaitu 4.7 peratus.

Bagaimanapun Gartner dalam kenyataannya hari ini menjelaskan, perbelanjaan IT di seluruh dunia diunjurkan meningkat sebanyak 3.1 peratus menjadikannya berjumlah AS\$3.7 trilion (RM12.1 trilion) pada tahun 2014.

Menurut Pengurus Naib Presiden Gartner, Richard Gordon, pada tahun 2013, pasaran mengalami pertumbuhan sebanyak 0.4 peratus sepanjang tahun.

"Perbelanjaan peranti termasuk komputer peribadi (PC), ultramobiles, telefon mudah alih dan tablet menguncup 1.2 peratus pada 2013, tetapi dijangka berkembang 4.3 peratus pada tahun ini," ujarnya.

Jelasnya, pertumbuhan perbelanjaan bagi perisian syarikat (Enterprise Software) dijangka akan terus mengukuh dengan jangkaan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 6.8 peratus.

Pada suku lepas, Gartner meramalkan pertumbuhan perbelanjaan IT adalah 3.6 peratus, 0.5 peratus lebih tinggi daripada ramalan semasa.

Satu semakan terhadap unjuran pertumbuhan dalam segmen pembekal perkhidmatan telekomunikasi yang menyumbang lebih daripada 40 peratus jumlah perbelanjaan IT mendapati penurunan sebanyak 0.7 peratus berikutan pertambahan jumlah penggunaan alat telekomunikasi tanpa wayar serta persaingan harga dalam kalangan pembekal perkhidmatan komunikasi.

Tambahnya, unjuran perbelanjaan bagi pusat sistem data juga dikurangkan kepada 2.6 peratus berbanding jangkaan sebelumnya pada suku lepas, bagaimanapun Gartner yakin pertumbuhan tahunan yang konsisten antara empat hingga lima peratus sehingga 2017.



Khamis, 9 Januari 2014

### **9. Pembiayaan RM557.4j projek penyelidikan**

PUTRAJAYA 8 Jan. - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi telah meluluskan sejumlah 1,279 projek penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan (R&DC) dengan dana bernilai RM557.40 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) untuk menjana pertumbuhan ekonomi negara.

Menterinya, Datuk Dr. Ewon Ebin (gambar) berkata, pihaknya menawarkan tujuh jenis dana seperti Sciencefund, PraPengkomersilan, Techology Acquisition dan sebagainya menerusi peruntukan berjumlah RM660 juta.

"Selaras agenda transformasi berpaksikan inovasi dan kreativiti, pembiayaan dana itu penting apabila sebanyak RM2.6 bilion dijana dan 311 projek telah dikomersialkan.

''Sebanyak 14,354 peluang pekerjaan telah disediakan hasil peruntukan geran RM2.9 juta menerusi Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9)," katanya ketika menyampaikan ucapan dalam Majlis Penyerahan Pembiayaan Projek Sciencefund dan Pra-Pengkomersilan di sini hari ini.

Sebanyak 3,864 daripada 4,566 projek berjaya disiapkan ketika RMK-9 telah melonjakkan nama negara apabila 1,238 anugerah di peringkat dalam dan luar negara dicapai sepanjang tempoh tersebut.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah dan Ketua Setiausaha, Datuk Dr. Rosli Mohamed.

Dalam majlis itu, Ewon menyampaikan dana berjumlah RM7.55 juta kepada enam penerima masing-masing terdiri daripada seorang peserta projek Sciencefund, Innofund (dua) manakala Technofund (tiga).

Dana berkenaan diberikan kepada syarikat perusahaan kecil dan sederhana (SME), institusi penyelidikan dan pusat pengajian tinggi untuk menjalankan pelbagai projek meliputi sektor bioteknologi, industri, sains dan sebagainya.



Jumaat, 10 Januari 2014

#### **10. Pasaran modal Malaysia paling kukuh**

KUALA LUMPUR 9 Jan. - Pasaran modal tempatan merupakan yang paling stabil di rantau ini dengan penawaran keuntungan kukuh sekali gus menjadi platform alternatif pelabur pada 2014 jika berlaku sebarang ketidaktentuan pasaran dunia.

Pengarah dan Pengurus Portfolio, Ekuiti Asas Asia BlackRock, Joshua Crabb berkata, bagaimanapun pasaran modal yang terlalu stabil seperti Malaysia tidak begitu diminati oleh pelabur yang mengejar keuntungan besar.

"Ekonomi Malaysia sangat unik di mana apabila keadaan persekitaran luar tidak menentu, ekonomi negara ini kekal stabil. Tetapi pasaran modal Malaysia tidak murah berbanding negara lain di rantau ini.

"Jika keadaan tidak menentu berlaku, pelabur akan memilih Malaysia sebagai lokasi pelaburan terbaik tetapi akan mula beralih ke negara lain apabila ekonomi serantau pulih," katanya ketika taklimat media berhubung prospek pelaburan ekuiti Asia 2014 di sini hari ini.

Beliau berkata, Thailand dan Indonesia dilihat mempunyai potensi besar untuk pelabur mengaut keuntungan kerana jurang turun naik pasaran modalnya sangat besar.

"Mereka menjadi pilihan utama jika pasaran modal menjadi murah atau menunjukkan potensi untuk tumbuh semula cerah," katanya.

Crabb berkata, sebelum ini permintaan eksport barang banyak tertumpu ke China tetapi berdasarkan jangkaan masa depan permintaan akan beralih ke Amerika Syarikat (AS) dan Eropah semula disebabkan pertumbuhan ekonomi negara tembok besar berkenaan yang semakin perlahan.

Menurutnya, jika situasi berkenaan berlaku, permintaan eksport yang tinggi adalah dalam sektor elektrik dan elektronik (E&E) serta komponen automotif.

"Malaysia bakal berdepan situasi sukar kerana tidak begitu kuat dalam sektor berkenaan dan ini akan mempengaruhi potensi pelaburan.

"AS dan Eropah dilihat lebih berminat mengimport komponen dari Taiwan, China dan Korea Selatan," jelasnya.

Ditanya, sektor yang menjadi pilihan pelaburan BlackRock di Malaysia, beliau berkata, setakat ini tiada sektor khusus yang ditetapkan tetapi penilaian dibuat berdasarkan pasaran murah, syarikat yang rugi dan berpotensi tumbuh semula.



Isnin, 13 Januari 2014

### 11. Kejayaan tarik RM10 bilion bukti pelabur yakin

JOHOR BAHRU 12 Jan. - Kejayaan Johor menarik jumlah pelaburan tertinggi di negara ini tahun lalu iaitu melebihi RM10 bilion jelas menunjukkan keyakinan pelabur untuk terus berbuat demikian di negeri ini.

Johor menerima nilai pelaburan tertinggi di negara ini mengatasi Sarawak, Selangor, Sabah, Melaka dan Pulau Pinang seperti direkodkan dari Januari hingga September tahun lalu oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, keyakinan pelabur dari dalam dan luar negara membuat pelaburan juga membuktikan kestabilan, keamanan serta keselamatan di negeri ini adalah terjamin.

Menurutnya, usaha pihak polis negeri ini menurunkan kadar jenayah enam tahun berturut-turut sejak 2008 juga menyumbang kepada keyakinan pelabur, sekali gus wajar diberi pujian dan dihargai rakyat negara ini.

"Berdasarkan kejayaan itu, jelaslah bahawa dakwaan sesetengah pihak keadaan jenayah di Johor amat membimbangkan dan semakin tidak terkawal adalah tidak benar dan tuduhan itu seperti satu usaha untuk memburukkan imej polis.

"Sejak mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar, saya gembira dan berpuas hati dengan komitmen serta prestasi polis menjaga keamanan negeri ini," katanya semasa merasmikan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Seri Alam di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Mohd. Bakri Zinin; Setiausaha Kerajaan negeri, Datuk Obet Tawil; Speaker Dewan Undangan Negeri Johor, Datuk Mohamad Aziz dan Ketua Polis Johor, Datuk Mohd. Mokhtar Mohd. Shariff.

Dalam pada itu, Mohamed Khaled turut mengingatkan rakyat negeri ini bahawa usaha membendung kegiatan jenayah tidak seharusnya diletakkan di bahu polis sahaja, sebaliknya masyarakat juga perlu memainkan peranan masing-masing.

"Dalam soal menjaga keselamatan serta ketenteraman awam ini, kita semua perlu bermuafakat dan sentiasa peka dengan apa yang berlaku di kawasan sekeliling, sekali gus menjadi mata dan telinga polis.

"Setiap kita perlu berganding bahu dan bekerjasama dengan pihak polis untuk melaporkan sebarang kejadian jenayah yang berlaku dan pada masa sama memastikan jenayah di negeri ini dapat dibendung dengan jayanya," katanya.

Khamis, 16 Januari 2014

## 12. DBKL terima 166,000 bantahan

KUALA LUMPUR 15 Jan. - Sebanyak 166,000 bantahan dikemukakan pemilik harta tanah sekitar ibu kota berhubung cadangan kenaikan kadar cukai pintu oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) setakat ini.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Ahmad Phesal Talib berkata, bantahan itu diterima dalam pelbagai bentuk, termasuk melalui surat, faks dan daripada anggota Parlimen berkenaan.

Daripada jumlah itu, ada juga bantahan berulang yang diterima daripada pemilik sama, katanya pada sidang media di sini Rabu.

"Proses bantahan akan berterusan sehingga 31 Mac. Jika bantahan itu masih berterusan, DBKL akan memikirkan kewajaran untuk ia (tempoh) dilanjutkan," katanya.

Media sebelum ini melaporkan cukai pintu itu dinaikkan mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) setelah 21 tahun tiada kenaikan dibuat.

Susulan pengumuman kenaikan cukai itu yang sepatutnya berkuat kuasa 1 Jan lalu, pelbagai bantahan diterima dan DBKL bertindak menangguhkan kenaikan tersebut dengan memberi tempoh bantahan sehingga Mac ini.

Ahmad Phesal berkata panel yang meneliti bantahan itu dianggotai lapan individu mewakili Lembaga Penasihat DBKL, juruukur profesional, peguam dan penilai swasta.

Terdahulu, beliau mengumumkan Datuk Mhd. Amin Nordin Abd. Aziz dilantik sebagai Ketua Pengarah DBKL yang baharu berkuat kuasa hari ini, menggantikan Datuk Salleh Yusup yang bersara wajib, Ahad lepas.

Mhd. Amin Nordin, 59, dari Negeri Sembilan, sebelum ini merupakan Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Sosio-Ekonomi) DBKL sejak 2011.

"Pelantikan ini satu cabaran dan amanah buat saya untuk terus meningkatkan kecemerlangan DBKL dan memastikan warga kota mendapat perkhidmatan lebih baik lagi," katanya.

Antara fokus ketua pengarah baharu itu ialah isu perumahan, penguatkuasaan dan lalu lintas.



Isnin, 20 Januari 2014

### **13. YPC peruntukkan dana laksana program pendidikan**

Yayasan Pendidikan Cheras (YPC) telah menyediakan peruntukkan sebanyak RM300,000 untuk perlaksanaan program pendidikan di sekolah-sekolah angkat YPC bagi sesi persekolahan 2014.

Pengerusi YPC, Datuk Seri Syed Ali Al Habshee (gambar) berkata, pihaknya akan meneruskan tanggungjawab untuk membantu sekolah-sekolah angkat melaksana dan menjayakan program pendidikan yang meliputi program kecemerlangan akademik, kurikulum, sukan dan lain-lain program yang menjurus kepada pembangunan modal insan.

Sebagai sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO), YPC akan terus berusaha untuk mencari dana bagi membantu pembangunan pendidikan di semua sekolah angkat, terutamanya kejayaan dalam bidang akademik, kurikulum dan sahsiah diri" katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Sejak ditubuhkan pada tahun 2000, kini YPC mempunyai sebanyak 37 buah sekolah angkat yang terletak di zon Pudu.

Terdapat 12 buah sekolah menengah, 18 buah Sekolah Kebangsaan (SK), dua buah Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas, sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), dua buah Sekolah Rendah Agama (SRA), sebuah Tabika Kemas dan sebuah Tabika Perpaduan.

Pihak YPC akan menyalurkan bantuan ini secara berperingkat merujuk kepada aktiviti-aktiviti yang dirancang pada peringkat sekolah angkat.

Oleh itu, Syed Ali menyarankan supaya pihak pengurusan sekolah-sekolah angkat, berusaha untuk mengenal pasti dan merancang aktiviti-aktiviti yang berfaedah dan dapat memberikan impak yang baik kepada semua pelajar dan guru tanpa mengira kaum.

Di samping program pada peringkat sekolah, Biro Latihan dan Pendidikan YPC sendiri turut memainkan peranan melaksanakan program pendidikan secara terpilih yang melibatkan pelajar, guru dan juga ahli PIBG sekolah.

Tindakan sedemikian diambil, selaras dengan objekif penubuhan Yayasan Pendidikan Cheras, iaitu antaranya untuk membantu sekolah-sekolah angkat melaksanakan program pendidikan yang menjurus kepada kejayaan dan kecemerlangan sekolah.

Bagi sesi persekolahan 2014, Biro Latihan dan Pendidikan telah pun menyediakan beberapa program terpilih untuk dilaksanakan.

Sebagai permulaan, sebanyak 400 orang pelajar akan mengikuti program motivasi UPSR dan PMR yang akan diadakan pada hujung bulan Januari ini.

Program motivasi ini akan memberi fokus kepada tiga perkara utama iaitu membimbing pelajar untuk membuat goal setting peperiksaan, mengenal pasti kaedah-kaedah pembelajaran berkesan (efektif learning) dan keperluan menuntut ilmu daripada perspektif Islam.

Pihak Biro Latihan dan Pendidikan sangat yakin, pemahaman terhadap tiga perkara ini, akan dapat membina semangat dan meningkatkan keyakinan pelajar untuk membuat persiapan awal bagi menghadapi peperiksaan UPSR dan PMR yang akan datang.

Beberapa orang penceramah yang terdiri daripada pegawai dan guru yang mahir dan berpengalaman dalam bidang berkaitan, telah diundang untuk menjayakan program ini.

YPC melahirkan rasa terima kasih kepada Jabatan Pelajaran Negeri, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPN WPKL) dan Pejabat Pejabat Pelajaran Wilayah Bangsar Pudu (PPWBP) atas sokongan dan kerjasama dalam menjayakan setiap program yang dirancang.

Semangat kerja berpasukan, termasuk komitmen pengetua, guru besar dan guru-guru sekolah-sekolah angkat, banyak mempermudah perlaksanaan sesuatu program.

Khamis, 23 Januari 2014

#### **14. Mustapa ketuai misi dagang, pelaburan ke Bangalore, Chennai**

KUALA LUMPUR 23 Jan. - Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed akan mengetua Misi Perdagangan dan Pelaburan berasaskan PKS ke Bangalore dan Chennai, India daripada 27 Jan hingga 30, 2014 sempena lawatan kerjanya ke sana untuk menghadiri Sidang Kemuncak Perkongsian ke-19.

Objektif misi itu adalah untuk meneroka pasaran domestik dan membuka peluang perniagaan dan pelaburan di bandar raya peringkat kedua India (Pune, Bangalore dan Chennai), kata Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

"Ia juga disasarkan untuk mewujudkan jaringan kolaboratif perusahaan kecil dan sederhana (PKS) menerusi lawatan ke syarikat-syarikat dalam sektor tumpuan seperti industri automotif, penyelesaian automasi pembuatan dan inovasi dalam industri pengilangan (penyelesaian industri pengilangan).

"Misi itu juga diharap dapat mengukuhkan hubungan bilateral dan membina jaringan perniagaan dengan rakan sekerja India mereka," kata kementerian itu dalam satu kenyataan hari ini.

Mustapa akan berucap di sidang kemuncak itu sebagai ahli panel dalam dua sesi pleno, bermesyuarat dengan Menteri Perdagangan dan Industri India Anand Sharma, dan menyampaikan ucapan kepada Forum CEO Malaysia-India, kata MITI.

Persidangan itu dianjurkan oleh Konsortium Industri India.

### 15. TNB untung bersih RM1.73 bilion

KUALA LUMPUR 23 Jan. - Tenaga Nasional Bhd. (TNB) mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM1.73 bilion bagi tempoh suku pertama yang berakhir 30 November lalu, peningkatan sebanyak 22 peratus berbanding RM1.42 bilion dalam tempoh sama tahun lalu.

Prestasi kewangan kekal stabil dengan pendapatan Kumpulan bagi suku semasa dicatatkan pada RM9.6 bilion, meningkat lima peratus berbanding RM9.1 bilion yang direkodkan pada tempoh sama tahun lalu.

Bagaimanapun, keuntungan operasi Kumpulan adalah lebih rendah iaitu pada RM1.52 bilion berbanding RM1.76 bilion dengan kadar penurunan sebanyak 13.4 peratus.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Seri Ir. Azman Mohd. berkata, sebahagian daripada penurunan ini adalah disebabkan oleh peningkatan kos penjanaan tenaga elektrik berikutan pembakaran bahan api yang lebih mahal iaitu Gas Asli Cecair (LNG), minyak dan minyak disuling apabila perlu.

Katanya, bahagian yang ditanggung oleh TNB bagi kos bahan api yang lebih mahal ini telah meningkat daripada 33 peratus kepada 50 peratus.

"Ini telah menyebabkan margin EBITDA yang lebih rendah sebanyak 28 peratus berbanding 31 peratus pada tempoh yang sama tahun lepas," katanya dalam kenyataan akhbar yang dikeluarkan di sini hari ini.

Tambah Azman, pertumbuhan sederhana permintaan elektrik di Semenanjung bagi suku yang dinilai adalah disebabkan oleh musim perayaan pada tempoh berkenaan.

Walau bagaimanapun jelas beliau, pertumbuhan permintaan elektrik dijangka meningkat pada suku-suku berikutnya selaras dengan unjuran Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang dijangka bertambah baik bagi tahun 2014.

"Sejajar dengan pertumbuhan permintaan elektrik pada suku pertama pada tahun kewangan semasa, perbelanjaan operasi telah meningkat sebanyak 8.9 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun sebelumnya.

"Bagi suku pertama tahun kewangan semasa, kadar cukai efektif yang lebih rendah bagi Kumpulan telah menyumbang kepada peningkatan keuntungan bersih diagihkan kepada pemegang saham sebanyak 22.6 peratus," ujarnya.

Kadar cukai efektif yang lebih rendah ini adalah terutamanya disebabkan oleh insentif eluan pelaburan semula yang direkodkan bagi tahun-tahun kewangan terdahulu dan juga pelarasan sekali gus peruntukan cukai tertangguh bagi mencerminkan penurunan kadar cukai pendapatan korporat daripada 25 peratus kepada 24 peratus seperti yang diumumkan dalam Bajet 2014.

Menurut Azman lagi, pelaksanaan perintis peraturan berasaskan insentif (IBR) akan memacu kecekapan kos dan meningkatkan ketelusan dalam aspek operasi, kewangan dan prestasi teknikal syarikat.

"Kami komited dalam memenuhi peningkatan keperluan permintaan elektrik dan akan memastikan bahawa keperluan ini disempurnakan melalui perkhidmatan berkualiti tinggi bagi memenuhi jangkaan pengguna seperti yang digariskan di bawah Standard Prestasi Perkhidmatan Pembekalan Elektrik TNB oleh Suruhanjaya Tenaga Malaysia," ujarnya.

Menurut beliau, peringkat perkhidmatan dijamin (GSL) dan peringkat perkhidmatan minimum (MSL) telah dikenal pasti sebagai indeks prestasi utama untuk perkhidmatan pengguna di bawah sistem IBR.

Lembaga Pengarah terus menjangkakan prospek Kumpulan bagi tahun kewangan semasa akan kekal positif.

Lembaga Pengarah juga bersetuju untuk memberikan pengagihan pendapatan sesaham pada 30.74 sen sesaham berbanding 25.71 sen dalam tempoh yang sama tahun lalu.

Ahad, 26 Januari 2014

### 16. Industri kreatif sumbang RM33b

KUALA LUMPUR 25 Jan. - Kerajaan menyasarkan industri kreatif menyumbang sebanyak RM33 bilion kepada pendapatan negara kasar pada tahun 2020.

Menurut Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, sasaran itu mampu dicapai berdasarkan unjuran pertumbuhan industri kreatif pada kadar 11 peratus setahun.

"Pada 2008 sahaja industri ini telah menyumbang sebanyak RM9.4 bilion atau 1.27 peratus pendapatan negara kasar dengan menyediakan 45,000 tenaga kerja.

"Pada tahun 2010 pula industri kreatif menyumbang 5.8 peratus pendapatan negara kasar dengan 100,000 tenaga kerja kreatif," katanya semasa berucap pada majlis Gala DiRaja Seni Persembahan di sini hari ini.

Yang turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Dr. Ong Hong Peng dan Ketua Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian, Datuk Norliza Rofli.

Tambah Nazri, kepentingan seni bukan sahaja mampu menyatukan rakyat Malaysia, tetapi juga merupakan aset penting dan mempunyai nilai ekonomi yang tinggi.

Dalam pada itu, penganjuran Gala DiRaja Seni Persembahan kali ini menyaksikan dua anugerah Pingat Seni DiRaja diberikan sebagai menghargai usaha seni yang dilakukan.

Pengarah Artistik Yayasan Sutra, Datuk Ramli Ibrahim dianugerahi Pingat Seni DiRaja Tokoh Seni Kreatif.

Sementara itu, Pingat Seni DiRaja Tokoh Seni Korporat pula diberikan kepada Yayasan Sime Darby.

### 17. Cambridge English tingkat penguasaan bahasa Inggeris

Cambridge English bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dalam melaksanakan penilaian menyeluruh terhadap pembelajaran, pengajaran dan penilaian bahasa Inggeris daripada peringkat prasekolah hingga universiti di negara ini.

Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan (Dasar dan Pembangunan Pendidikan) kementerian, Datuk Dr. Amin Senin (gambar) berkata, Cambridge English yang beroperasi di United Kingdom (UK) diamanahkan untuk menjalankan kajian tersebut pada Mei tahun lalu dan dijangka menyiapkan kajian itu pada akhir bulan ini.

Cambridge English akan mengemukakan hasil kajian menyeluruh sebelum mencadangkan kepada kerajaan pada April depan.

Kementerian Pendidikan bersetuju menerima cadangan penilaian Cambridge English pada 8 Mei tahun lalu.

Objektif kajian itu meliputi usaha memperkasa, menggalak dan membangunkan kerjasama dalam bidang pendidikan bahasa Inggeris bagi memastikan setiap kanak-kanak mahir dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025," katanya.

Dr Amin berkata, hasil kajian itu membolehkan Kementerian meletakkan sasaran pembelajaran dan pengajaran masa depan.

Kajian itu meliputi data asas untuk memantau dan menilai sama ada sasaran masa depan mampu dicapai dalam rancangan pembaharuan pendidikan.

Selain itu, Dr. Amin berkata kajian itu akan mengukur kemampuan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan murid tahun satu hingga enam

"Kajian itu melibatkan amalan penilaian semasa dengan menganalisis peperiksaan semasa, ujian spesifikasi, skim pemarkahan dan keputusan peperiksaan akhir persekolahan, penghujung sekolah rendah (tahun 6), sekolah menengah rendah (tingkatan 3), tingkatan 5 dan 6," katanya.



Selasa, 28 Januari 2014

### **18. AES dikendalikan kerajaan**

PUTRAJAYA 27 Jan. - Pemangku Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein menyifatkan tohmahan kononnya kerajaan menswastakan sistem penguatkuasaan automatik (AES) adalah tidak benar sama sekali.

Sebaliknya, jelas beliau, kerajaan telah memutuskan supaya operasi 14 kamera AES sedia ada diteruskan dan pelaksanaannya diambil alih oleh kerajaan melalui syarikat milik Menteri Kewangan Diperbadankan.

Menurutnya, kerajaan telah menubuahkan AES Solutions Sdn. Bhd. pada 2 September lalu bagi tujuan tersebut.

"Aktiviti penguatkuasaan dan pengoperasian AES akan dijalankan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) manakala Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) pula bertanggungjawab dalam penguatkuasaan sistem Keselamatan Jalan Raya (Kejara) atau berkaitan mata demerit.

"Bagi menjadikan aktiviti penguatkuasaan lebih berkesan, sistem Kejara telah ditambah baik dan sistem baharu itu akan dilaksanakan tahun ini setelah kaedah mengenainya diwartakan," katanya ketika berucap dalam Majlis Perutusan Menteri Pengangkutan 2014 di Kompleks Persidangan Perbadanan Putrajaya, di sini hari ini.

Selain itu, Hishammuddin berkata, kadar kompaun bagi kesalahan-kesalahan di bawah sistem AES juga telah diselaraskan dengan kadar yang dikenakan PDRM mulai 18 September lalu.

Secara amnya, ujar beliau, kadar kompaun permulaan adalah sebanyak RM150 dan ia bergantung kepada tahap keseriusan kesalahan serta akan meningkat mengikut tempoh kompaun dijelaskan menerusi prinsip 'lebih lama bertangguh, lebih tinggi bayaran'.

Menyentuh tentang kesedaran keselamatan jalan raya, Hishammuddin menjelaskan, pelbagai aktiviti telah dirangka Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) sepanjang tahun ini.

"Antaranya ialah Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PKJR) melalui mata pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Tiga, program '1M4RoadSafety' (1M4RS), Program Minggu Kesedaran Jalan Raya - Keselamatan Pejalan Kaki, kempen-kempen di media massa dan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan, swasta serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO)," katanya.



Selasa, 28 Januari 2014

### **19. Kuasa kerajaan lindungi pengguna - Muhyiddin**

PUTRAJAYA 27 Jan. - Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, kerajaan mempunyai kuasa untuk campur tangan bagi memperluaskan lagi jumlah barang kawalan sekiranya terdapat asas-asas kukuh yang membolehkan langkah itu dilaksanakan demi melindungi kepentingan pengguna.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Malaysia merupakan satu-satunya negara yang mempunyai kuasa seperti itu dan tujuannya adalah semata-mata melindungi hak pengguna mengikut peruntukan undang-undang.

Walau bagaimana pun beliau berkata, langkah tersebut tidak dilakukan sewenang-wenangnya sebaliknya kerajaan akan mengadakan perbincangan dengan semua pihak berkepentingan sebelum sebarang keputusan diambil.

''Kuasa itu ada pada menteri (Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hasan Malek) dan sekiranya kerajaan berpendapat ada asas yang kukuh terdapat satu-

satu produk yang perlu dikawal harganya seperti topeng muka semasa berlakunya penyakit influenza A (H1N1), kita akan lakukan.

"Keputusan itu diambil kerana terdapat pihak tertentu menaikkan dengan sewenang-wenangnya harga topeng muka yang dijualkan kepada orang ramai maka diletakkannya sebagai barang kawalan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas mengadakan pertemuan dengan 17 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) pengguna bagi membincangkan isu kenaikan kos sara hidup di pejabatnya di sini hari ini.

Yang turut hadir Hasan dan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Berdasarkan laman web Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sebanyak 22 barang telah diisyiharkan sebagai barang-barang kawalan di bawah Seksyen 5 Akta Kawalan Bekalan 1961 antaranya gula, susu, garam, tepung gandum, beras dari semua jenis, semua jenis roti, petrol dan gas petroleum cecair (LPG).

Muhyiddin berkata, setiap usaha untuk meningkatkan jumlah barang kawalan, kerajaan tetap mengambil pendekatan hati-hati.

"Kita sedar dalam pasaran terbuka di Malaysia (sebahagian besar barang) harganya tidak dikawal sebaliknya ditetapkan oleh penawaran dan permintaan.

"Sebab itu kita dikehendaki berhati-hati dalam menambah senarai barang tadi namun jika ada keperluan mungkin boleh ditambah satu, dua atau tiga barang lagi dan kita menganggap barang ini penting," ujarnya.

Dalam pada itu beliau berkata, kerajaan akan memperkenalkan beberapa inisiatif untuk mengurangkan kos hidup rakyat dengan cara menambahkan lagi pendapatan mereka.

"Seperti mana kata Datuk Ismail Sabri kita akan mengambil langkah menambahkan pendapatan pengguna seperti program 'jom menanam' seperti mana program bumi hijau yang pernah diperkenalkan dahulu," ujarnya.

Mengenai perbincangan hari ini Timbalan Perdana Menteri berkata, kerajaan dan NGO pengguna bersetuju memperhebatkan gerakan kepenggunaan di kalangan rakyat sekali gus mampu memberi kesedaran kepada mereka tentang hak-hak sebagai pengguna yang bijak.

Sementara itu menjawab satu soalan Muhyiddin berkata, usaha kerajaan menangani kos sara hidup dilakukan secara holistik dan bukannya secara terasing.

"Mengenai keputusan makmal khas di bawah Jawatankuasa Khas Kabinet Menangani Kos Sara Hidup pula kita akan ketahui esok," ujar beliau.



Jumaat, 31 Januari 2014

#### **20. Dilarang guna GST dalam resit**

KUALA LUMPUR 30 Jan. - Kementerian Kewangan mengarahkan semua hotel atau restoran yang mengenakan Cukai Perkhidmatan Kerajaan (Government Services Tax) di dalam resit supaya menghentikan perbuatan berkenaan kerana mengelirukan pengguna.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Ahmad Maslan berkata, tiada istilah Cukai perkhidmatan Kerajaan dan istilah GST yang sebenar ialah Cukai Barang dan Perkhidmatan yang masih belum dilaksanakan. Tindakan pihak tertentu yang meletakkan GST di dalam resit merupakan satu kesalahan.

Beliau berkata, penggunaan istilah GST hanya boleh dilakukan setelah pelaksanaan sistem GST yang sebenar dikuatkuasakan pada 1 April 2015.

"Ada sesetengah tempat menggunakan istilah GST, apabila ditanya, mereka mengatakan itu adalah Government Services Tax, ini tidak betul.

"Ini merupakan satu kesalahan, jadi saya minta mereka menghentikan penggunaan istilah GST di dalam resit kerana GST yang mereka guna itu bukan Cukai Barang dan Perkhidmatan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Seminar Pemerksaan Ekonomi Nasional (Pena) Peringkat Wilayah Persekutuan di sini hari ini.

Pada masa ini restoran atau hotel hanya mengenakan Cukai Perkhidmatan (Services Tax) dan Cukai Jualan (Sales Tax) kepada pelanggannya.

Sementara itu Ahmad Maslan berkata, kerajaan akan mengeluarkan panduan pengguna dalam masa tiga bulan sebelum pelaksanaan GST bagi memudahkan mereka membuat perbandingan.

"Panduan tersebut akan mengandungi senarai barang serta harga sama ada mengalami kenaikan atau penurunan harga.

Senarai yang dijangka dikeluarkan pada Januari 2015 itu akan dapat diakses melalui laman web, akhbar dan media elektronik.

Langkah itu katanya, bertujuan supaya tiada pihak yang mengambil kesempatan menaikkan harga barang setelah GST dilaksanakan.